

Menelusuri kepemimpinan dan ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai seorang pemimpin: satu Analisis

ABSTRACT

Keperibadian akhlak dan ketinggian ilmu merupakan indikator utama bagi seseorang pemimpin. Pemimpin yang tidak mempunyai sifat-sifat ini sudah pasti tidak dapat mentadbir sesebuah organisasi dengan baik dan cemerlang. Kekuatan dan kelemahan tampuk kepemimpinan dalam sesebuah organisasi adalah terletak dibahu seorang pemimpin. Kepimpinan dan ketokohan seseorang pemimpin perlu dijadikan panduan kepada pendakwah masa kini bagi melestarikan kejayaan dakwah yang diseru. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat latar belakang Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai seorang ilmuan yang mempunyai ciri-ciri kepemimpinan dan ketokohnya sebagai pemimpin. Selain itu, kajian ini juga turut melihat bidang-bidang yang dikuasai oleh beliau serta karya-karya penulisan yang pernah beliau hasilkan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu dengan merujuk artikel-artikel ilmiah serta buku-buku yang pernah ditulis oleh para sarjana mengenai beliau. Hasil kajian ini mendapati Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang ilmuan yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi terutama dalam bidang agama, mempunyai keberanian dan ketabahan hati, bersikap tegas dan berterus terang, bersedia untuk ditegur dan disanggah oleh orang lain serta mempunyai pengaruh dari kalangan kawan-kawan dan anakanak muridnya. Dengan memiliki sifat sedemikian rupa, sudah pasti beliau sangat sesuai untuk dijadikan contoh dan ikutan dalam landskap kepemimpinan dan ketokohnya. Oleh itu, para pemimpin kini perlu mempunyai sifat-sifat kepemimpinan yang mantap sebelum dilantik sebagai seorang pemimpin agar pelantikan mereka sebagai seorang pemimpin tidak akan dipertikaikan kelak.